# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 5 FEBRUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | BAWANG MERAH MARDI DIPASARKAN 2 TAHUN LAGI, NASIONAL, BH-13 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 2. | HARGA SAYUR MENINGKAT HINGGA RM4 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH-13 | LAIN-LAIN |
| 3. | UPM PUPUK MINAT KANAK-KANAK TERHADAP BIDANG PERTANIAN, PENDIDIKAN, BH-23 | |
| 4. | INDIA HENTI EKSPORT PUNCA BAWANG MELAMBUNG, DALAM NEGERI, UM-14 | |
| 5. | GULAI KAWAH TANDA SYUKUR PADI SUBUR, DALAM NEGERI,UM-35 | |
| 6. | JERANTUT BAKAL JADI PENGELUAR ANGGUR, DALAM NEGERI,UM-37 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Bawang Merah MARDI dipasarkan 2 tahun lagi

**Kuala Lumpur:** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyasarkan Bawang Merah MARDI BAW-1 yang diperkenalkan boleh dipasarkan secara komersial dalam tempoh dua tahun lagi.

Ia sekali gus membolehkan pengurangan kebergantungan import bawang merah dapat direalisasikan seperti hasrat oleh kerajaan.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata sehingga kini projek peningkatan skala bawang merah itu sedang diusahakan oleh lima usahawan di Batang Padang, Perak; Serdang, Selangor dan Bachok, Kelantan.

"Kita menjangkakan bilangan petani ini akan bertambah dalam tempoh terdekat bagi meningkatkan keluasan tanaman bawang merah dalam negara.

"Ia sekali gus membolehkan bawang varieti ini dipasarkan secara besar-besaran bermula pada tahun 2026," katanya kepada *BH*.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan negara berada di landasan tepat dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada bawang merah import.




*Keratan akhbar BH, kelmarin.*

Mohamad dilaporkan berkata, perkara itu adalah susulan kejayaan MARDI menghasilkan tiga varieti Bawang Merah Mardi iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 tahun lalu.

Mohamad Zabawi berkata, bawang merah BAW-1 adalah varieti bawang merah yang diperkenalkan MARDI hasil kajian pengadaptasian di negara ini.

"Kajian pengadaptasian varieti bawang merah ini sudah dilaksanakan dan mengambil tempoh selama dua tahun oleh MARDI.

"BAW-1 mempunyai saiz yang lebih besar berbanding BAW-2 dan BAW-3, sama seperti bawang merah di pasaran. Ia berhasil tinggi dan mempunyai kualiti yang baik.

"Kita menyasarkan pengeluaran bawang sebanyak 30 tan semusim di kawasan penanaman seluas lima hektar tahun ini. Pengeluaran bawang merah sebanyak 30 tan setahun pada tahun ini dan 2025 adalah memfokuskan kepada pengeluaran benih dalam negara," katanya.

Krisis bekalan bawang yang berlaku pada 2020 akibat bencana banjir besar di India menyebabkan kenaikan harga bawang di pasaran lebih 30 peratus daripada RM6 kepada RM8 sekilogram.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Harga sayur meningkat hingga RM4 sekilogram




Harga beberapa jenis sayur di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu naik sejak dua minggu lalu.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

## Bekalan kurang akibat rosak susulan banjir punca harga naik

Oleh Mohd Roji Kawi, Azhar Shahrulnizam dan Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

**Hulu Langat:** Harga sayur-sayuran di pasar meningkat antara 50 sen hingga RM4 sekilogram dipercayai berpunca kekurangan bekalan disebabkan rosak akibat banjir yang melanda.

Tinjauan di Pasar Pagi Semenyih, di sini, mendapati antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah kacang buncis yang kini dijual RM18 sekilogram, berbanding RM16 sebelum ini, selain cili merah kulai, kacang bendi, ubi kentang dan bawang.

Peniaga sayur, Basril Johan, berkata perniagaan sayurnya terjejas kerana cuaca yang kerap hujan sejak beberapa bulan yang lalu.

"Lumrahnya begitu. Apabila hari hujan, harga sayur terpaksa dinaikkan kerana bekalan terhad kerana ia sukar ditanam. Apabila cuaca panas, harga sayur boleh diturunkan kerana bekalan sentiasa ada.

"Antara sayur yang dinaikkan harga pada minggu ini adalah cili merah. Minggu ini saya jual dengan harga RM22/kg. Minggu lalu hanya RM20. Ketika cuaca baik saya pernah menjualnya dengan harga RM12/kg sahaja," katanya ketika ditemui *BH*.

Menurutnya, apabila cuaca semakin baik harga sayur tidak akan diturunkan secara mendadak kerana ia akan memberi kesan kepada petani.

"Sebagaimana kita tidak menaikkan harga secara mendadak, perkara yang sama akan berlaku dengan penurunan harga.

"Pernah terjadi harga timun diturunkan sehingga RM1/kg akhirnya terpaksa dibuang kerana bekalan terlalu banyak dan harga terlalu murah. Situasi ini yang menanggung kerugian paling banyak adalah petani," katanya.

Sementara, pengusaha kedai runcit, Petty Yahya, berkata bawang daripada India juga terpaksa dinaikkan sehingga RM10/kg.

"Sebelum ini harganya RM6 sahaja, tetapi disebabkan stok terhad ia semakin mahal jadi kami terpaksa naikkan harga.

"Ini adalah bekalan bawang India yang terakhir. Saya mula menjual bawang dari Myanmar sebagai pengganti dengan harga RM9/kg," katanya yang memperoleh bekalan dari pasar borong.

Di **Kuching**, Harga barang keperluan terutamanya sayuran di bandar raya ini didapati meningkat sehingga RM3 berbanding sebelum ini.

> "Sebelum ini harganya cuma RM6 tetapi disebabkan stok terhad ia semakin mahal jadi kami terpaksa naikkan harga"



*Petty Yahya,*
*Pengusaha kedai runcit*

### Cuaca tak menentu

Keadaan cuaca tidak menentu ketika musim tengkujuh yang dijangka berlarutan sehingga bulan depan dikatakan antara faktor penyumbang kenaikan harga sayuran itu.

Tinjauan di beberapa pasar sekitar bandar raya ini mendapati harga kacang bendi kini dijual antara RM9.50 hingga RM10/kg berbanding RM7 hingga RM8 sebelum ini.

Kacang buncis pula dijual RM13/kg berbanding antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram sebelum ini.

Terung pula sebelum ini berharga antara RM10 hingga RM10.60/kg kini dijual RM12.

Sementara itu, harga bawang merah kini dijual RM10/kg berbanding RM7 hingga RM8 dalam minggu lalu.

Ubi kentang pula naik sedikit iaitu RM3 sekilogram, berbanding RM2.90 sebelum ini.

Di **Kota Bharu**, Harga beberapa jenis sayur-sayuran di daerah ini naik lebih 10 peratus sejak dua minggu lalu berikutan kekurangan bekalan dan permintaan tinggi.



Harga bawang di pasar raya sekitar Kuala Lumpur naik susulan kekurangan bekalan.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, mendapati harga kacang panjang naik daripada RM5 kepada RM8 sekilogram; lada merah besar RM12 kepada RM18/kg; lada solok daripada RM16 kepada RM27/kg; cili padi merah daripada RM12 kepada RM14/kg dan terung daripada RM5 kepada RM9/kg.

Peniaga, Maryana Mat Ripin, 37, berkata selain sayuran, pengguna turut terbeban dengan kenaikan harga bawang merah iaitu kini dijual RM9/kg dan bawang putih RM9/kg.

Katanya, harga sayur naik kerana bekalan tempatan kurang dan pemborong terpaksa mengambil bekalan dari negara jiran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/2/2024 | BERITA HARIAN | PENDIDIKAN | 23 |

# UPM pupuk minat kanak-kanak terhadap bidang pertanian

**Serdang:** Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia baru-baru ini menganjurkan program pengenalan pertanian untuk kanak-kanak dikenali sebagai 'Cilik Pertanian eDU-PARK@UCTC UPM' bertujuan memupuk minat golongan itu terhadap bidang pertanian.

Ketua program, Muhammad Syafiq Kamal, berkata acara itu yang disertai 28 peserta berusia antara tujuh hingga 15 tahun memberi pendedahan mengenai kepentingan pertanian sebagai sumber makanan.

Program itu turut memberi peluang kepada peserta untuk membina kemahiran baharu dalam pertanian dan mengenali anatomi haiwan.

"Pendedahan awal kanak-kanak dengan suasana kampus dapat menyuntik semangat dan meletakkan azam dalam diri mereka supaya suatu hari nanti akan memilih UPM untuk menyambung pelajaran kelak," katanya.

Katanya, program itu menyediakan pelbagai pengisian menarik antaranya aktiviti semaian biji benih, kaedah hidroponik, dan pembuatan baja organik cecair dengan bimbingan pegawai UCTC.

Selain itu, peserta turut melawat lokasi penanaman cendawan tiram kelabu dan menuainya selain dibawa melihat tempat ternakan puyuh dan ikan tilapia di plot showcase UCTC, UPM.



*Sebahagian peserta Cilik Pertanian eDU-PARK@UCTC UPM.*

"Peserta juga turut melawat ke Muzium Anatomi Haiwan yang terletak di Fakulti Perubatan Veterinar, iaitu salah satu muzium yang dibuka kepada orang awam untuk lawatan di bawah eDU-PARK UPM.

"Antara lokasi lain pakej agro pelancongan yang ada di UPM adalah Muzium Anatomi Manusia, Muzium Patalogi Manusia, Muzium Warisan Melayu, Ladang Rusa, Pusat Ekuin Putra (kuda), dan Ladang Bersepadu (Ladang 10)," katanya.

Dalam pada itu, peserta turut berpeluang untuk melihat sendiri haiwan-haiwan yang diawet, mempelajari anatominya selain mempelajari cara menyediakan sampel sel darah haiwan ternakan.

Sementara itu, bagi peserta program, Nurain Syakirah Mohd Zain,15, berkata dia teruja mengikuti program berkenaan dan memperoleh pelbagai ilmu pertanian yang boleh dimanfaatkan.

"Program ini sangat bagus serta aktiviti yang dijalankan di sini memberikan pengetahuan baharu dan menimbulkan minat untuk saya untuk mendalami ilmu pertanian.

"Malah menerusi program ini saya dapat menambahkan kenalan baharu serta bertukar pandangan mengenai aktiviti di sini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 14 |

# India henti eksport punca bawang melambung

**PETALING JAYA:** Sekatan mengeksport bawang merah kecil oleh India memberi kesan langsung kepada peningkatan harga bawang di pasaran ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemborong bawang merah di Sabah, Licha Die berkata, stok bekalan bawang merah kecil berkurangan dan harga naik mendadak selepas India tidak lagi membekalkan bawang ke negara ini.

"Harga bawang di Sabah memang tidak menentu. Harga yang paling tinggi kami pernah pernah bayar mencecah sehingga RM45 untuk lima kilogram bawang rose India.

"Sebagai pemborong kecil, kami terkesan dan jika kehabisan stok, kami terpaksa tempah dan berunding dengan pembekal lain," katanya.




Menurut Licha, walaupun inisiatif penanaman bawang dilaksanakan ia mengambil masa lama untuk mendapat hasil.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengedarkan benih asas bawang merah secara skala besar kepada petani untuk keperluan tempatan.

Dalam pada itu, Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, realiti yang berlaku sekarang ialah pengguna tidak mampu membeli bawang berikutan harga terlalu tinggi.

Namun, beliau menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan ke atas bawang import.

"Apabila bergantung kepada bawang import, harga dan bekalan bawang terpaksa mengikut pasaran luar negara terutamanya India.

"Hari ini pun, kalau saya tengok harga bawang untuk sekilo RM10 sehingga RM12 pun ada,

"Di kampung, harga bawang mencecah RM13 sekilogram dan pengguna tidak mampu untuk membeli," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Gulai kawah tanda syukur padi subur

**PASIR PUTEH:** Lebih 30 pesawah bendang Gong Manak di sini membuat kenduri gulai kawah sebagai tanda kesyukuran kerana tanaman padi di kesemua 175 hektar sawah di kampung itu 'menjadi' walaupun hanya mengharapkan taburan hujan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Bendang, Deraman Abas berkata, sebanyak tiga kawah gulai daging lembu dimasak secara bergotong-royong untuk dijamu kepada penduduk setempat hasil sumbangan salah seorang petani terlibat.

Menurutnya, selain itu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Semerak turut menyumbang 300 ekor ikan keli sebagai tanda sokongan.

"Alhamdulillah, tahun ini padi menjadi. Sudah tiga musim padi yang diusahakan sebelum ini tidak menjadi kesan kemarau dan tiada kemudahan sistem pengairan.




KUMPULAN petani menjayakan majlis kesyukuran di bendang Gong Manak, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

"Petani di bendang ini hanya mengharapkan hujan. Pada masa sama, kami turut bergantung sepenuhnya kepada sumber air dari sungai berdekatan," katanya.

Deraman berkata, kebanyakan petani terpaksa menanggung bebanan hutang apabila hasil padi tidak menjadi disebabkan kemarau.

Pada masa sama, mereka berharap kerajaan dapat menyediakan sistem saliran baik supaya pesawah di sini dapat berperanan sebagai penyumbang kepada bekalan makanan negara.

"Jika ada sistem pengairan yang lengkap, kawasan sawah seluas 175 hektar mampu membantu mencukupkan bekalan makanan negara pada masa hadapan," ujarnya.

Seorang lagi petani, Izani Ismail, 57, berkata, sebahagian pemilik tanah sawah sudah beralih kepada tanaman kelapa sawit kesan ketiadaan sistem pengairan yang sering menyebabkan mereka kerugian.

"Banyak lagi tanah sawah di sini akan ditebus guna untuk tanaman lain jika sekiranya petani gagal mendapatkan kemudahan tali air," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 37 |

# Jerantut bakal jadi pengeluar anggur

**JERANTUT:** Sebanyak 20 varieti tanaman anggur dari pelbagai negara hidup subur di Pusat Pertanian Temin (PPT) di sini, sekali gus menjadi produk pelancongan baharu di daerah ini.

Pengusahanya, Syed Norhaimi Syed Zin berkata, antara varieti anggur ditanamnya ialah Heliodor, Jubilee, Velez, Dixon, Rumba, Baikonur, Jupiter, Lorano, Beauty Krasotka, Krasava, Ninel, Banana, Golden Musqat, Faith dan Monte Cristo.

Katanya, projek tanaman anggur di PPT bermula April 2022 membabitkan 76 pokok dalam tiga kawasan.

"Pokok anggur itu kini berusia setahun sembilan bulan dan sudah dua kali berbuah.

"Hasil kali kedua buah ini akan matang dan dipetik pada April ini. Rasanya manis dan hasilnya lebih baik berbanding negara beriklim sejuk," katanya.



SYED NORHAIMI Syed Zain menunjukkan buah anggur ditanamnya di PPT Jerantut, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

Menurut Syed Norhaimi, pihaknya mula menanam anggur ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana tidak boleh bergerak ke mana-mana.

"Untuk menghilangkan jemu, saya banyak layari Facebook dan teruja apabila melihat buah anggur boleh berbuah dengan mudah di negara ini. Jadi saya mengikuti kursus secara bersemuka dan secara dalam talian bagi meningkatkan ilmu.

"Kemudian saya membuat pesanan beberapa jenis benih anggur dengan harga RM300 hingga RM400 sepokok dan menanam dalam pasu di tepi rumah," katanya.

Menurutnya, kejayaan itu menarik perhatian Jabatan Pertanian Jerantut yang seterusnya menawarkan kawasan di PPT untuk tanaman komersial.

"Anggur yang ditanam ini boleh mengeluarkan hasil dalam masa enam bulan sahaja.

"Pengunjung yang hadir ke PPT dikenakan sedikit bayaran dan diberi penerangan mengenai varieti anggur yang boleh berbuah subur di negara ini selain aspek pembajaan, kawalan penyakit dan teknik membuahkan anggur," katanya.